

## Nor Azita yakin kemampuan diri

**Atlet** kanu Terengganu, Nor Azita Ibrahim yakin dengan kemampuannya untuk meneruskan legasi jurulatihnya, Siti Rajiah Ali yang meraih tujuh pingat pada temasya di Kuala Lumpur 2011.

Pencabar Nor Azita di sini kali ini sudah pasti seteru terdekat jurulatihnya itu, Norfatinah Olleh dari Pahang yang dianggap sebagai senior dalam sukan berkenaan.

Namun selepas kali pertama bertarung bersama di Karnival Putrajaya dua tahun lalu, Nor Azita percaya, dia mampu untuk menewaskan lawannya itu sekali gus menghadihkan kilauan emas buat kontinjen Terengganu bermula hari ini.